

72
21**CEDI Tubuh Program Perintis Usahawan Siswa (ARUS)**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 03 Oktober 2010 18:08

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

3 OKTOBER 2010 / 24 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**CEDI Tubuh Program Perintis Usahawan Siswa (ARUS)**

Oleh: Nor Adila Binti Ab Kadir

Gambar: Hairul Nizam Bin Zahari



Sekitar Majlis Pelancaran Program Perintis Usahawan Siswa (ARUS) dibawah kendalian Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI)

UUM ONLINE: Program Perintis Usahawan Siswa (ARUS) dibawah kendalian Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) diwujudkan bagi membantu pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang kurang berkemampuan menambah pendapatan dengan menjalankan perniagaan.

Sebagai permulaan, program ARUS yang teretus dengan kerjasama CEDI dan Koperasi Siswa (KOSISWA) akan mengambil 53 pelajar yang kurang berkemampuan untuk menjalani latihan keusahawanan itu.

Pengarah CEDI, Dr. Azlan Yahya, berkata mereka dianggap sebagai anak angkat CEDI akan diberi pendedahan perniagaan dan bantuan pembiayaan bagi menjadi usahawan yang berjaya.

"Pada tahun pertama, kita akan membangunkan sifat keusahawanan bagi menarik minat mereka terabit dalam perniagaan dan masuk tahun yang kedua, mereka akan dihantar ke syarikat luar yang ada kerjasama dengan Universiti-Industri (UIL) untuk mendapatkan pengalaman.

"Tahun ketiga pula, kita akan memberi peluang dan ruang untuk memulakan perniagaan sebenar kepada pelajar-pelajar ini.

"Jika mereka berminat untuk meneruskan perniagaan tersebut apabila tamat pengajian, kita akan menguruskan dengan agensi-agensi pembiayaan untuk memberi pembiayaan kepada mereka," katanya.

Katanya lagi, ARUS adalah program jangka masa panjang kerana mereka akan diberi latihan serta bimbingan ke arah melahirkan graduan